



## "RAHMAH DISEMAI, MAGHFIRAH DITUAI".1

<p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،</p>	2
<p>سُبْحَانَ اللَّهِ الْعَلِيِّ الدِّيَانِ سُبْحَانَ اللَّهِ الْمُسَبِّحِ فِي كُلِّ مَكَانٍ، سُبْحَانَ اللَّهِ، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ، وَلَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ</p>	3
<p>الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا يُؤَافِي نِعَمَهُ وَيُكَافِي مَزِيدَهُ، يَا رَبَّنَا لَكَ الْحَمْدُ كَمَا يَنْبَغِي لِجَلَالِ وَجْهِكَ وَلِعَظِيمِ سُلْطَانِكَ. سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ لَا أُحْصِي ثَنَاءً عَلَيْكَ أَنْتَ كَمَا أَثْنَيْتَ عَلَى نَفْسِكَ.</p>	4
<p>وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ وَصَفِيُّهُ وَخَلِيلُهُ. خَيْرُ نَبِيِّ أَرْسَلَهُ. أَرْسَلَهُ اللَّهُ إِلَى الْعَالَمِ كُلِّهِ بَشِيرًا وَنَذِيرًا.</p>	5
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ صَلَاةً وَسَلَامًا دَائِمِينَ مُتَلَازِمِينَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	6
<p>وَأَوْصِيكُمْ أَهْيَا الْمُسْلِمُونَ وَنَفْسِي الْمُدْنِبَةُ بِتَقْوَى اللَّهِ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ، وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.</p>	7
<p>Khatib mengambil kesempatan yang berharga ini untuk mengucapkan kepada muslimin dan muslimat:</p> <p>سلامت هاري راي عيدُ الفِطْرِ كلُّ عامٍ وأنتم بخير تَقَبَّلَ اللَّهُ مِنَّا وَمِنْكُمْ</p>	8

<p><b>Hadirin Para Jemaah Yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Nikmat yang paling berharga dikurniakan Allah kepada kita pada saat ini adalah nikmat sebagai seorang hamba yang telah selesai melaksanakan perintah berpuasa dan melakukan amal soleh dalam bulan Ramadhan, seterusnya kita diperkenankan hadir ke rumah Allah sebagai tetamu-Nya untuk mendirikan sembahyang hari raya dengan penuh kegembiraan, kejayaan dan harapan.</p>	9
<p>Demikianlah janji Allah yang diisytiharkan melalui firman-Nya dalam surah al-A'ala ayat 14 dan 15:</p> <p style="text-align: center;">  <span style="font-size: 1.2em;">وَذَكَرَ اسْمَ رَبِّهِ فَصَلَّى</span>  <span style="font-size: 1.2em;">قَدْ أَفْلَحَ مَنْ تَزَكَّى</span> </p> <p><i>“Sesungguhnya telah berjayalah orang yang membersihkan jiwanya, kemudian ia menyebut nama Tuhannya dan sesudah itu ia mendirikan solat”</i></p>	10
<p>Garis penamat Ramadan telah kita lepasi dengan jayanya, kegembiraan terpancar dicelah-celah takbir dan tahmid, memuji dan mengagungkan Allah Tuhan yang menjanjikan segunung kebaikan dan setulus kain putih jiwa yang telah diampun. Bagaimana takkan gembira sedangkan janjinya telah terpahat di Lauh Mahfuz</p>	11
<p>melalui firman-Nya dalam surah Yunus ayat 58:</p> <p style="text-align: center;">  <span style="font-size: 1.2em;">قُلْ بِفَضْلِ اللَّهِ وَبِرَحْمَتِهِ فَبِذَلِكَ فَلْيَفْرَحُوا هُوَ خَيْرٌ مِّمَّا يَجْمَعُونَ</span> </p> <p><i>“Katakanlah bahawa dengan Kemuliaan Allah dan Rahmatnya kepadamu , maka bergembiralah kerana ia lebih baik dari apa yang kamu himpulkan”.</i></p>	12
<p style="text-align: center;"> <span style="font-size: 1.5em;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</span> </p> <p><b>Hadirin para jemaah yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Ketahuilah bahawa kemenangan dan kejayaan yang kita julang pada hari ini melalui taqwa yang kita raih sepanjang bulan Ramadhan adalah <b>“Rahmah Disemai Maghfirah Dituai”</b>. Sesungguhnya melalui rasa lapar dan dahaga sepanjang bulan Ramadhan kita dituntut bersifat rahmah dan ada rasa kasih yang tinggi terhadap orang yang sentiasa lapar atau terhadap orang yang sedang ditimpa musibah. Hayatilah sesungguhnya sifat rahmah dan kasih sayang adalah milik Allah, Allah yang bersifat AR RAHMAN dan AR RAHIM bererti Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.</p>	13
<p>Sesungguhnya dengan sifat tersebutlah seluruh makhluk yang bernyawa dikurniakan sifat rahmah. Seorang ibu tercetus rasa kasih terhadap anaknya, dan sebaliknya seorang anak sejak lahir lagi terus terasa</p>	14

<p>sayang dan tenang dengan ibunya. Para suami dan isteri tertambat rasa kasih kepada pasangannya. Adik beradik sememangnya ada tautan kasih antara satu sama lain, bagitulah seterusnya, sanak saudara, jiran tetangga memang ada rasa hormat menghormati, rahmah dan kasih sesama mereka.</p>	
<p>Alangkah halus dan seninya benang sutera yang Allah jadikan sebagai pengikat rahmah dan kasih sayang antara makhluk-Nya. Alangkah jelas dan hebatnya pujian yang diberikan Allah melalui lidah rasul-Nya yang termeterai dalam sabda baginda yang diriwayatkan oleh Abdullah Bin 'Amr R.Anhu:</p> <p style="text-align: center;">الرَّاحِمُونَ يَرْحَمُهُمُ الرَّحْمَنُ، اِرْحَمُوا اَهْلَ الْاَرْضِ يَرْحَمَكُم مِّنْ فِي السَّمَاءِ</p>	<p>15</p>
<p><i>"Orang yang berkasih sayang akan dikasihi oleh Allah yang Maha Pengasih, oleh itu kasihilah penduduk-penduduk bumi nescaya kamu akan dikasihi oleh penduduk-penduduk langit"</i></p> <p style="text-align: right;"><i>(Riwayat Abu Daud).</i></p>	<p>16</p>
<p><b>Hadirin para jemaah yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Alangkah buruknya ketika sifat rahmah itu telah gersang dalam kehidupan kita !, Alangkah malangnya ketika sifat rahmah itu telah ditalkinkan dalam masyarakat manusia!. Betapa tidak jika seorang ibu sanggup membuang bayi yang baru dilahirkan, sedangkan pada masa yang sama sebahagian haiwan akan menjadi garang dan agresif ketika melindungi dan memelihara anaknya yang baru menetas atau baru dilahirkan.</p>	<p>17</p>
<p>Alangkah sedihnya jika terdapat ibu bapa yang telah tua dibuang kerumah kebajikan.</p> <p>Alangkah jeliknya jika adik beradik berkelahi berpatah arang kerana berebut harta pusaka yang hanya sekangkang kera!,</p>	<p>18</p>
<p>Alangkah janggalnya sesama jiran tetangga bermasam muka bersengketa kerana perkara remeh-temeh yang boleh diatasi secara musyawarah!</p> <p>Alangkah buruknya wajah orang-orang kaya yang tidak mempedulikan kesengsaraan fakir miskin papa kedana!, Adakah penyakit "siapa lu siapa gua" telah menular dalam benak ummah yang baru saja selesai menjalani ibadah puasa.</p> <p>Alangkah lucunya masyarakat yang ghairah "bersatu untuk berpecah" sehingga menjadi kecil dan lemah! dan akhirnya musuh bertepuk-sorak kerana berjaya merembat kejayaan.</p>	<p>19</p>
<p>Alangkah cantiknya jika kita ummah ini sentiasa menjulang sepanduk yang tertulis dengan saiz besar taujihat daripada Allah SWT dan pesanan Rasulullah SAW. Firman Allah SWT dalam surah Ali-Imran ayat 159 :</p>	<p>20</p>

<p style="text-align: center;">فَبِمَا رَحْمَةٍ مِّنَ اللَّهِ لِنْتَ لَهُمْ وَلَوْ كُنْتَ فَظًّا غَلِيظَ الْقَلْبِ لَانْفَضُّوا مِنْ حَوْلِكَ فَاعْفُ عَنْهُمْ وَاسْتَغْفِرْ لَهُمْ وَشَاوِرْهُمْ فِي الْأَمْرِ ...</p>	
<p><i>"Maka dengan rahmat dari Tuhanmu, hendaklah kamu berlemah lembut terhadap mereka, sekiranya kamu bersikap kasar dan keras pasti mereka akan lari darimu, maka maafkanlah mereka dan pohonkanlah keampunan untuk mereka serta bermusyawarahlah dengan mereka..."</i></p>	21
<p>Bagitu juga dengan pesanan dari Rasulullah SAW sendiri dalam sabda baginda yang diriwayatkan daripada Abu Hurairah R.Anhu:</p> <p style="text-align: center;">مَنْ لَا يَرْحَمُ لَا يُرْحَمُ</p> <p><i>"Sesiapa yang tidak mengasih maka ia tidak akan dikasih Allah"</i> <i>(Riwayat Imam al-Bukhari).</i></p>	22
<p>Begitu juga dengan hadis daripada Al A'amash R.Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">لَا تَقَاطَعُوا، وَلَا تَدَابِرُوا وَلَا تَبَاغَضُوا، وَلَا تَحَاسَدُوا. وَكُونُوا إِخْوَانًا كَمَا أَمَرَكُمُ اللَّهُ</p>	23
<p><i>"Janganlah kamu saling putus memutus, paling memaling, benci membenci, dengki mendengki. Hendaklah kamu bersaudara seperti yang Allah perintahkan kepadamu".</i> <i>(Riwayat Muslim).</i></p>	24
<p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ أَحْمَدُ.</p> <p><b>Muslimin dan muslimat yang dirahmati Allah</b></p> <p>Demikianlah, tausiah demi tausiah, pesanan demi pesanan dari Allah dan kekasih-Nya Muhammad SAW.</p> <p>Fikirkan dan bayangkan! Ketika di Padang Mahsyar nanti, apabila para Malaikat mencari-cari orang yang berkasih sayang semasa hidupnya di dunia ini untuk dihimpunkan di bawah naungan yang Allah sediakan, agaknya adakah kita tersenarai dikalangan orang yang layak menyertai naungan yang tiada naungan selain dari naungan-Nya itu ?</p>	25
<p>Untuk menambah keyakinan kita terhadap perkara tersebut, mari kita semak sebuah hadis yang menjelaskan peristiwa itu. Dengarkan sabda Rasulullah SAW dalam hadis Qudsi melalui sanadnya Abu Hurairah R.Anhu bahawa baginda bersabda:</p>	26

<p style="text-align: center;">إِنَّ اللَّهَ يَقُولُ يَوْمَ الْقِيَامَةِ: أَيْنَ الْمُتَحَابُّونَ بِجَلَالِي، الْيَوْمَ أَظْلُمْتُ فِي ظِلِّي يَوْمَ لَا ظِلَّ إِلَّا ظِلِّي</p>	
<p>“Sesungguhnya Allah berfiman pada hari kiamat: Manakah orang-orang yang berkasih sayang kerana keagungan-Ku !, hari ini aku naungi mereka di bawah naungan arash-Ku pada hari yang tiada naungan selain dari naungan-Ku” (Riwayat Imam Muslim).</p>	27
<p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p> <p>Hari ini kita menerima hadiah yang amat berharga dari Allah Tuhan yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Apakah hadiah itu? Jawabannya ialah “عِثْقٌ مِنَ النَّارِ” ertinya bebas dari api neraka. Maka oleh itu selayaknya kita memuja dan memuji Allah dengan takbir, tahmid dan tahlil. Seterusnya kita masih mengharap demi mengharap dengan tidak jemu-jemunya hadiah demi hadiah untuk kebahagiaan dan keselesaan ketika menuju alam akhirat yang kekal abadi selama-lamanya.</p>	28
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَأَتَّقُوا يَوْمًا تُرْجَعُونَ فِيهِ إِلَى اللَّهِ ثُمَّ تُوَفَّى كُلُّ نَفْسٍ مَّا كَسَبَتْ وَهُمْ لَا يُظْلَمُونَ</p>	29
<p>“Dan peliharalah diri kamu dari huru-hara hari (kiamat) yang padanya kamu akan dikembalikan kepada Allah. kemudian akan disempurnakan balasan tiap-tiap seorang menurut apa yang telah diusahakannya, sedang mereka tidak dikurangkan balasannya sedikitpun”. (al-Baqarah ; 281).</p>	30
<p style="text-align: center;">بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	31
<p style="text-align: center;">أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ</p>	32
<p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ. اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p>	33

## KHUTBAH KEDUA .34

35	اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.
36	اللَّهُ أَكْبَرُ كَبِيرًا، وَالْحَمْدُ لِلَّهِ كَثِيرًا، وَسُبْحَانَ اللَّهِ بُكْرَةً وَأَصِيلًا، الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَنْعَمَ عَلَى أُمَّةٍ مُحَمَّدٍ بِنِعْمَةِ الصِّيَامِ وَجَعَلَ الْعِيدَ بَهْجَتَهَا عَلَى مَدَى السِّنِينَ وَالْأَيَّامِ.
37	الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: ذَلِكَ وَمَنْ يُعْظَمُ شَعَائِرَ اللَّهِ فَإِنَّهَا مِنْ تَقْوَى الْقُلُوبِ
38	أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ
39	عِبَادَ اللَّهِ ! أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.
40	<p><b>Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Saya mengingatkan diri saya dan para jemaah sekelian agar takut dan bertaqwa kepada Allah dengan sebenar-benar taqwa, semoga dengan itu kita beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.</p> <p style="text-align: center;">اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.</p>
41	<p><b>Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah,</b></p> <p>Untuk memastikan kejayaan ibadah puasa yang telah kita sempurnakan dan untuk memastikan 'Idul Fitri yang kita sambut mendapat keredhaan Allah, maka marilah pada hari yang mulia ini kita menghayati perkara-perkara berikut:</p> <p><b>Pertama:</b> Islam adalah cara hidup yang tidak hanya mengurus persoalan yang bersangkutan paut dengan ibadat khusus semata-mata. Sebaliknya Islam merangkumi seluruh sistem kehidupan untuk mencapai kejayaan di dunia dan akhirat. Justeru umat Islam wajar bersyukur dan bergembira dimana ramai orang termasuk para artis, para cendekiawan dan negarawan dunia telah berhijrah dan menghayati ajaran agama Islam.</p>

<p style="text-align: center;"> <span style="font-size: 1.2em;">                 اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، وَلِلَّهِ الْحَمْدُ.             </span> </p> <p><b>Kedua:</b> Hari Raya adalah sambutan ibadah merayakan hasil kejayaan yang telah dituai sepanjang Ramadhan. Sesungguhnya beruntunglah orang yang istiqamah menghimpun sebanyak mungkin pahala dan maghfirah serta memelihara diri dari memusnahkan segala ganjaran pahala yang diperolehi dengan melanggar pantang larang yang dikenakan oleh syarak. Adalah sangat tidak wajar selama sebulan kita bertungkus lumus untuk mencapai keredhaan-Nya tiba-tiba usaha itu kita musnahkan dalam masa yang singkat.</p>	42
<p><b>Ketiga:</b> Memandangkan beberapa isu yang timbul mutakhir ini, ada segelintir manusia lucu yang menuntut supaya dibenarkan perkahwinan sejenis iaitu lelaki dengan lelaki dan wanita dengan wanita. Tidak syak lagi kecenderungan ini bagaikan ingin memutar jarum jam kebelakang, ingin kembali kepada hidup tanpa agama dan tamadun. Umat yang baru saja selesai menjalani ibadah puasa diseru istiqamah berpegang kepada agama Allah dan menjauhkan diri dari minda syaitaniah itu.</p>	43
<p><b>Keempat:</b> Dalam kegembiraan menyambut hari kejayaan ini kita umat Islam dingatkan agar memelihara keselamatan diri dan keluarga dan jangan jadikan jalan raya sebagai kuburan musim perayaan. Sesungguhnya nyawa seseorang itu adalah sangat berharga di sisi Allah SWT.</p> <p><b>Kelima:</b> Kita ummah yang sedang bergembira dipagi Raya ini tidak wajar melupakan ibu bapa, saudara-saudara kita lebih-lebih lagi yang tidak bernasib baik dimana saja mereka berada. Oleh itu adalah menjadi kewajipan kita terus berinfak, sedekah, zakat dan lain-lain bantuan untuk meringankan beban kesusahan serta menziarahi mereka</p>	44
<p style="text-align: center;">sesuai dengan tema Idulfitri kerajaan Negeri Selangor bagi tahun ini iaitu:</p> <p style="text-align: center;"> <b>Fitrah umat,                  Membangkai muafakat,                  Rakyat berkat.</b> </p>	45
<p><b>Keenam:</b> Umat Islam dianjurkan untuk meneruskan segala amal soleh dan kebajikan selepas tamatnya bulan Ramadhan khususnya puasa 6 hari dalam bulan Syawal.</p>	46
<p><b>Hadirin dan hadirat yang dirahmati Allah:</b></p> <p style="text-align: center;">Sesungguhnya Allah dan para Malaikat berselawat kepada Nabi. oleh itu wahai orang-orang yang beriman ucapkanlah selawat dan salam kepada Baginda.</p> <p style="text-align: center;"> <span style="font-size: 1.2em;">                 إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا، اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ             </span> </p>	47

<p>سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ</p>	
<p>كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ. إِنَّكَ حَمِيدٌ مَجِيدٌ. اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْاَمْوَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا اَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ</p>	<p>48</p>
<p>Wahai Tuhan yang Maha Agong! kami memohon kepada-Mu melalui ketinggian yang dikurniakan kepada Nabi dan Kekasih-Mu Muhammad, dan kami memohon melalui Nama dan sifat-Mu yang Maha Agong agar Engkau peliharakanlah Raja Kami Duli yang Maha Mulia Sultan Syarafuddin Idris Syah Al Haj ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Syah Al-Haj.</p>	<p>49</p>
<p>Ya Allah Ya Rahman Ya Rahim! kekalkanlah pertolongan, hidayah dan pertunjuk-Mu kepada Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda kami Tengku Amir Shah Ibn Sultan Sharafuddin Idris Shah Al Haj agar sentiasa dalam keamanan dan kesejahteraan dengan kebaikan dan kemurahan-Mu, ya Allah ya Zaljalali wal ikram!.</p>	<p>50</p>
<p>Lanjutkanlah usia baginda berdua dalam keberkatan dan 'inayah-Mu agar sentiasa dapat menabur bakti kepada agama, negeri serta rakyat jelata seluruhnya. Sampaikanlah hasrat kedua Baginda untuk terus memartabatkan dan memayungi agama Islam di Negeri ini sehingga dapat mencapai keridhaan dan maghfirahMu ya Allah Ya Arhamarrahimin.</p>	<p>51</p>
<p>رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ          عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	<p>52</p>
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ ۖ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	<p>53</p>
<p>اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ،          لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَاللَّهُ أَكْبَرُ، اللَّهُ أَكْبَرُ وَاللَّهُ الْحَمْدُ.</p>	<p>54</p>